



فجاجة ستياوسها كراجان نكري كلنتن
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
 NEGERI KELANTAN**
 BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
 Tkt. 1, Blok 6, Kota Darulnaim,
 15503 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 609-7430504
 Fax : 609-7430504
 E-mail : bptm@kelantan.gov.my
 Website : www.kelantan.gov.my
 TSUK (Pengurusan) : 609-7485566
 Pengarah : 609-7477115



Rujukan kami : SUK.D200(11)338/111 Jld. 33 ()
 Tarikh : 11 Jamadilawal 1440H
 17 Januari 2019

Ke Majlis,



YM Pengarah
 Yayasan Islam Kelantan
 Nilam Puri
 Peti Surat 248
15730 KOTA BHARU

YABrs. Pengarah
 Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
 Bandar Baru Tunjong
16010 KOTA BHARU

YM Tengku/YABrs. tuan,

**PERTANDINGAN LAMAN WEB PERINGKAT SEKOLAH SEMPENA PROGRAM
 PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI NEGERI KELANTAN TAHUN
 2019/1440H**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan menganjurkan Pertandingan Laman Web Peringkat Sekolah sempena Program Pembangunan Sains dan Teknologi Negeri Kelantan Tahun 2019/1440H. Semua sekolah dalam Negeri Kelantan adalah dipelawa untuk menyertai pertandingan tersebut

3. Sehubungan dengan itu, pihak YM Tengku/tuan dipohon untuk memanjangkan jemputan ini ke sekolah-sekolah di bawah seliaan YM Tengku/tuan. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pertandingan dan Borang Penyertaan untuk makluman dan tindakan pihak YM Tengku/tuan sewajarnya. Garis Panduan Pertandingan dan Borang Penyertaan juga boleh didapati melalui Portal Rasmi Pendidikan Kelantan di alamat <http://www.kelantan.edu.my>.

4. Untuk makluman YM Tengku/tuan, maklumbalas penyertaan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan selewat-lewatnya pada **7 Februari 2019/ 2 Jamadilakhir 1440H** di alamat berikut:

31571/19

YAYASAN ISLAM KELANTAN	
TP (P)	PP (KHID. GURU)
TP (S)	PP (HEM)
TP (A)	AKAUNTAN
TP (N)	PER. ACC. (KEM)
PP (KHID. PNGHSH)	PER. ACC. (AUDIT)
PP (SM)	EO (KHID. PNGHSH)
PP (PEMB)	EO (SM)
PP (PELABUKAN)	PEG. IT
PENGURUS AKADEMIK	STENO
TARIKH & TANGAN	CATATAN

**Urusetia Pertandingan Laman Web Peringkat Sekolah
Sempena Program Pembangunan Sains dan Teknologi
Peringkat Negeri Kelantan 2019/1440H
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
Aras 1, Blok 6, Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU**

atau

Faks : 09-7430504

atau

Emel : bptm@kelantan.gov.my


5. Untuk makluman YM Tengku/tuan juga, semua penyertaan **wajib** didaftarkan di tapak rasmi dan setiap penyertaan hanya layak mendaftar untuk satu tapak sahaja. Bagi sekolah yang belum mempunyai tapak rasmi, pihak sekolah bolehlah memohon untuk didaftarkan di domain *kelantan.edu.my* menggunakan borang yang dimuat turun dari Portal Rasmi Pendidikan Kelantan <http://www.kelantan.edu.my>. Sesi penilaian akan dilaksanakan pada **7 dan 8 Mei 2019/2 dan 3 Ramadhan 1440H**. Semua laman web yang menyertai pertandingan ini akan dinilai oleh Panel Penilai yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan atau institusi pengajian tinggi yang berpengalaman dalam pembangunan laman web. Penilaian akan dilaksanakan secara *online* tanpa perlu pembentangan dari pihak sekolah yang menyertai pertandingan.

6. Di atas perhatian dan kerjasama YM Tengku/tuan di dalam hal ini adalah sangat dialu-alukan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"
"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN"**

Yang menurut perintah,


(NIK MOHD HASANUDDIN BIN NIK HUSSAIN)
Pegarah Pengurusan Teknologi Maklumat
b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**
s.k.: - YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

- YB Dato' Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Teknologi Maklumat
- YABhg. Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

Edaran Dalaman

- 1) YBrs. En. Mohd Zawawi bin Hj. Ab Rahman
Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan)
- 2) YBrs. Puan Salina binti Adnan
Pegawai Teknologi Maklumat (Operasi)
- 3) YBrs. Puan Yasmin binti Abdullah
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan Kanan)
- 4) YBrs. En. Noor Aidi bin Mohamad Nawi
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan I)
- 5) YBrs. Puan Norhaslina binti Zakaria
Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan II)
- 6) YBrs. En. Mohd Rusdi bin Hamid
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat(Pembangunan III)
- 7) YBrs. En. Mohamad Haniff Hakimi bin Mazlan
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat(Pembangunan IV)
- 8) YBrs. En. Rushdan bin Abdullah
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Operasi)

Bagi tujuan penempatan laman web rasmi sekolah ini ke server di kelantan.edu.my, laman web rasmi sekolah perlu dibina menggunakan:

- 1) Joomla 3.9.2 yang boleh dimuat turun dari <https://downloads.joomla.org/>

atau;

- 2) Wordpress 5.0.3 yang boleh dimuat turun dari <https://wordpress.org/download/>

atau;

- 3) HTML (tidak disarankan).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN LAMAN WEB SEKOLAH-SEKOLAH
NEGERI KELANTAN 2019

SEMPENA PROGRAM PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI (PPST) 2019/1440H

1. NAMA SEKOLAH
2. ALAMAT SEKOLAH/
E-MEL SEKOLAH
3. URL LAMAN WEB
4. TAJUK LAMAN WEB
5. GURU PEMBIMBING
6. NAMA PELAJAR
7. NO. TELEFON NO. FAKS

Dengan ini, sekolah saya *bersetuju/tidak bersetuju untuk menyertai Pertandingan Laman Web Peringkat Sekolah yang dianjurkan sempena Program Pembangunan Sains dan Teknologi (PPST) 2019/1440H.

..... (Tandatangan Pengetua) Nama:	Cop Rasmi Sekolah: Tarikh:
--	---

**Potong mana-mana yang tidak berkaitan.*

Borang boleh dihantar melalui e-mel kepada bptm@kelantan.gov.my atau faks di talian 09-7430504 atau dihantar secara pos kepada:

Urusetia Pertandingan Laman Web Sekolah-Sekolah Negeri Kelantan 2019
Sempena Program Pembangunan Sains dan Teknologi Negeri Kelantan 2019/1440H
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan,
Aras 1, Blok 6, Kompleks Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU.



BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
BLOK 6, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU, KELANTAN.

PERMOHONAN DOMAIN

NAMA DOMAIN : http:// _____ .kelantan.edu.my

Maklumat Pemohon:

- 1) Nama
- 2) No. Kad Pengenalan
- 3) Nama Sekolah
- 4) Alamat Sekolah
- 5) No. Telefon Pejabat
- 6) No. Telefon Bimbit

7) Adalah saya dengan ini mengesahkan bahawa kesemua maklumat yang diberi diatas adalah benar.

Tandatangan Pemohon : _____ Tarikh : _____

Disokong oleh (Pengetua/Guru Besar):

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama : _____

Cop Jawatan:

Maklumat Pelaksanaan:

(Untuk kegunaan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat SUK)

Permohonan : Diluluskan Ditolak

Pentadbir Rangkaian dan e-Mel : _____ Tarikh : _____

GARIS PANDUAN
PERTANDINGAN LAMAN WEB PERINGKAT SEKOLAH SEMPENA
PROGRAM PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI NEGERI
KELANTAN TAHUN 2019/1440H.

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk memberi penerangan kepada semua peringkat sekolah di Negeri Kelantan yang ingin menyertai Pertandingan Laman Web Peringkat Sekolah sempena Program Pembangunan Sains dan Teknologi Negeri Kelantan Tahun 2019/1440H.

2.0 LATAR BELAKANG

Pertandingan Laman Web Peringkat Sekolah Negeri Kelantan diadakan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk menjadikan laman web sekolah yang bermaklumat, menarik dan terkini di samping menyokong inisiatif penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat selaras dengan perkembangan teknologi terkini. Pencapaian prestasi laman web sekolah merupakan salah satu penanda aras bagi menilai dan mengukur tahap kecemerlangan sekolah dari segi sistem penyampaian perkhidmatan. Sebarang ketidakpatuhan kepada kriteria yang ditetapkan akan memberi kesan terhadap prestasi laman web sekolah berkenaan.

3.0 TEMA PERTANDINGAN

Tema pertandingan "**Bermaklumat, Menarik dan Terkini**"

4.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:-

- 4.1 Penyertaan **wajib** didaftarkan di tapak rasmi dan setiap penyertaan hanya layak mendaftar satu tapak sahaja. Bagi sekolah yang belum mempunyai tapak rasmi, pihak sekolah bolehlah memohon untuk didaftarkan di domain *kelantan.edu.my* menggunakan borang yang dimuat turun dari <http://www.kelantan.edu.my>
- 4.2 Keputusan panel hakim adalah muktamad.
- 4.3 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **7 Februari 2019/ 2 Jamadilakhir 1440H.**

5.0 KAEDAH PENILAIAN LAMAN WEB

Semua laman web yang menyertai pertandingan ini akan dinilai oleh Panel Penilai yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan atau institusi pengajian tinggi yang berpengalaman dalam pembangunan laman web. Penilaian akan dilaksanakan secara *online* tanpa perlu pembentangan dari pihak sekolah yang menyertai pertandingan.

6.0 BUTIRAN PENILAIAN

Butiran penilaian adalah seperti berikut:-

- Tarikh : **2 dan 3 Ramadhan 1440H/
7 dan 8 Mei 2019**
- Masa : 9.00 pagi – 4.30 petang
- Tempat : Bilik Mesyuarat
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Aras 2, Blok 6, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu Kelantan.

7.0 KRITERIA PENILAIAN

7.1 Penilaian akan dilaksanakan pada tarikh yang ditetapkan sebagaimana di atas. Setiap laman web mestilah memaparkan ciri-ciri yang berkaitan dengan tema dan mematuhi kriteria-kriteria penilaian pertandingan laman web seperti berikut:-

(i) Reka bentuk laman web

Laman web yang dibangunkan hendaklah mempunyai tarikan rekabentuk, visual dan cita rasa (look & feel) yang tekal untuk keseluruhan laman web. Laman web sekolah hendaklah melaksanakan ciri-ciri reka bentuk seperti yang berikut:

- (a) **Pernyataan perkataan laman web rasmi** pada halaman utama laman web.
- (b) **Jata (crest) kerajaan Malaysia/Kelantan** pada halaman utama laman web.
- (c) **Logo rasmi** sekolah sekiranya ada.

- (d) **Warna** tidak melebihi tiga (3) warna dan warna putih bagi latarbelakang laman web digalakkan.

(ii) **Kefungsian laman web**

Kefungsian laman web yang berkualiti meliputi keberkesanan, kemudahan dan kepelbagaian fungsi yang boleh didapati dalam laman web. Laman web sekolah hendaklah mempunyai ciri-ciri kefungsian seperti yang berikut:

- (a) **Kemudahan maklum balas (*Feedback Form*)** - merujuk kepada borang maklum balas yang terdapat pada laman web bagi mendapatkan maklum balas pengguna berkaitan fungsi laman web, pengalaman penggunaan atau isu yang berkaitan dengan sekolah. **(*Laman Web yang memenuhi kriteria ini akan diberi markah bonus*)**
- (b) **Keserasian pelayar (*Browser compatibility*)** - merujuk kepada keupayaan atau fleksibiliti laman web, aplikasi web, skrip atau reka bentuk HTML untuk berfungsi pada pelbagai jenis pelayar web. Untuk kriteria ini, Laman web mesti serasi pada semua pelayar web berikut:
- (1) IE (minimum version v10 dan keatas termasuk Ms. Edge)
 - (2) Safari (minimum version v10)
 - (3) Chrome (minimum version v64)
 - (4) Firefox (minimum version v58)
- (c) **Pautan Yang Aktif (*Active link*)** merujuk kepada *hyperlink* yang aktif dan bebas ralat yang membolehkan pengguna melayari sesuatu fail lain atau melayari lokasi lain. *Broken link* merujuk kepada *hyperlink* yang tidak lagi menunjuk ke destinasi asalnya. Ini mungkin kerana pelbagai sebab seperti halaman telah dipindahkan atau halaman telah dinamakan semula. Untuk kriteria ini perkara yang perlu dipatuhi ialah seperti berikut:
- (1) Tiada pautan yang terputus (*broken link*) ditemui di laman web.
 - (2) Atribut 'no follow' tidak dibenarkan bagi pautan laman web sekolah.

(Laman Web yang memenuhi kriteria ini akan diberi markah bonus)

- (d) **Device Responsiveness** - merujuk kepada pendekatan Reka Bentuk Web Responsif (RWD) di mana penampilan laman web bergantung kepada saiz skrin dan orientasi peranti yang digunakan. Untuk kriteria ini perkara yang perlu dipatuhi ialah seperti berikut:

(1) Paparan laman web disesuaikan dengan saiz skrin dan orientasi peranti.

(2) Maklumat, ciri dan fungsi laman web mesti tersedia pada peranti dan dipaparkan dengan sewajarnya.

(Laman Web yang memenuhi kriteria ini akan diberi markah bonus)

- (e) **Loading time** - Merujuk kepada jumlah masa (dalam saat) yang diperlukan untuk memuatkan halaman web sehingga selesai *web request*. Untuk kriteria ini perkara yang perlu dipatuhi ialah seperti berikut:

(1) Masa untuk memuatkan laman web adalah 10 saat dan ke bawah.

(2) Setiap *web request* tidak boleh dialihkan (*redirect*) lebih daripada 5 kali sebelum selesai.

(Laman Web yang memenuhi kriteria ini akan diberi markah bonus)

- (f) **Kemudahan World Wide Web Consortium (W3C) Disability Accessibility**, iaitu versi capaian kepada orang yang tidak berkemampuan atau Orang Kurang Upaya (OKU). Untuk kriteria ini perkara yang perlu dipatuhi ialah seperti berikut:

(1) Laman web ini mesti menyediakan kesemua ciri-ciri berikut:

- a) Berkeupayaan untuk menukar saiz *font*.
- b) Berkeupayaan untuk menukar warna latar belakang.

(2) Saiz *font*, jenis *font* dan warna latar belakang yang tidak konsisten dianggap tidak mematuhi kriteria ini.

- (g) **Pengarkiban secara elektronik** bagi maklumat yang melebihi setahun yang boleh dimuat turun oleh pengguna seperti artikel dan berita.
- (h) **Pautan ke Portal myGovernment** dengan meletakkan logo myGovernment pada pautan tersebut. Untuk kriteria ini perkara yang perlu dipatuhi ialah seperti berikut:
- (1) *Hyperlink* ke Portal myGovernment mestilah betul.
(<http://www.malaysia.gov.my>)
 - (2) *Hyperlink* mestilah aktif. Pautan yang tidak aktif atau broken link dianggap sebagai tidak mematuhi kriteria ini.
- (i) **Pernyataan penafian** terhadap sebarang kerosakan sekiranya dialami oleh pengguna semasa menggunakan laman web sekolah.
- (j) **Dasar privasi atau Akta Perlindungan Data Peribadi** - Pernyataan Dasar Privasi merujuk kepada dasar privasi laman web yang memberikan maklumat mengenai beberapa atau semua cara laman web mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan, dan menguruskan data pengunjung. Manakala Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] yang mengawal pengumpulan, rakaman, memegang atau menyimpan data peribadi, dan menjalankan sebarang operasi pada data peribadi untuk transaksi komersial. Ia tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Untuk kriteria ini, pihak sekolah perlu mematuhi perkara berikut:
- (1) Laman web mesti menyediakan Pernyataan Dasar Privasi atau Akta Perlindungan Data Peribadi berdasarkan perkhidmatan yang disediakan di dalam laman web.
 - (2) Pernyataan dasar privasi atau Akta Perlindungan Data Peribadi mestilah dihubungkan atau dipaparkan pada *footer* halaman utama.
- (k) **Notis hak cipta** laman web sekolah bagi menunjukkan laman web berserta kandungannya adalah hak milik sekolah.

(iii) Kandungan Laman Web

Ciri-ciri kandungan laman web yang berkualiti meliputi maklumat dan perkhidmatan sekolah. Laman web sekolah hendaklah mempunyai ciri-ciri kandungan seperti yang berikut:

(a) Maklumat Umum termasuk:

- i. Falsafah Pendidikan
- ii. Syarat kemasukan (jika ada)

(b) Mengenai Kami (*About Us*) seperti maklumat memperkenalkan sekolah, sejarah penubuhan sekolah (jika ada), maklumat pentadbiran, bilangan pelajar mengikut tingkatan/kelas, maklumat lokasi dan kemudahan yang disediakan. Selain itu, perkara yang perlu dipatuhi ialah seperti berikut:

- (1) Perubahan ke atas maklumat yang berkaitan Pengetua, Guru Besar dan Tenaga Pengajar mestilah dikemaskini dengan segera. Kemaskini terkini merujuk kepada maklumat 30 hari sebelumnya.

(2) *Time-stamp* diperlukan untuk kriteria ini.

(c) Hubungi Kami (*Contact Details*) seperti nombor telefon, nombor faksimile, alamat dan e-mel sekolah bagi memudahkan pengguna berhubung dengan sekolah. Direktori anggota dan kakitangan sekolah yang mengandungi nombor telefon dan e-mel hendaklah disediakan mengikut bidang tugas atau fungsi. Untuk mengelakkan penspaman, iaitu penghantaran e-mel yang tidak dikehendaki, alamat e-mel hendaklah dipaparkan dalam bentuk statik dan bukannya dalam bentuk pautan. Selain itu, perkara yang perlu dipatuhi ialah seperti berikut:

- (1) Maklumat yang diterbitkan di laman web mestilah dikemaskini dalam tempoh 30 hari.

(2) *Time-stamp* diperlukan untuk kriteria ini.

(d) Maklumat Terkini seperti hebahan, pengumuman, berita, aktiviti dan keratan akhbar. Bagi maklumat yang mempunyai tempoh tamat hendaklah menyediakan fungsi luput secara automatik. Selain itu, perkara yang perlu dipatuhi ialah seperti berikut:

- (1) Broadcast - Kemaskini terkini merujuk kepada *information stamp* 30 hari sebelumnya.
- (2) Berita dan / atau kemaskini mengenai dasar kerajaan mestilah dikemaskini dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengumuman.
- (3) Time-stamp diperlukan untuk kriteria ini.
- (e) **Seksyen Kurikulum** seperti kurikulum sekolah, takwim sekolah, analisa peperiksaan, anugerah-anugerah yang diterima/kejayaan sekolah dan/atau pelajar.
- (f) **Seksyen Ko-Kurikulum** seperti kegiatan pelajar, pencapaian/anugerah-anugerah yang diterima/kejayaan sekolah dan/atau pelajar untuk kegiatan ko-kurikulum.
- (g) **Galeri** yang memuatkan gambar, klip video/audio, bahan penerbitan dan sebagainya yang berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh sekolah dan berkeupayaan untuk dimuat turun. Untuk penerbitan, ianya merujuk kepada mana-mana penerbitan yang dikeluarkan oleh pihak sekolah yang diterbitkan atau dimuat turun di laman web.
- (h) **Seksyen Komuniti** seperti PIBG dan Alumni.

8.0 HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah-hadiah akan disediakan sebagaimana berikut:

Bil.	Kedudukan	Wang Saguhati	Bilangan	Sijil Penyertaan
1.	Johan	RM1500	1	Akan diberikan
2.	Naib Johan	RM1000	1	
3.	Tempat Ketiga	RM700	1	
5.	Saguhati	RM200	20	
Catatan: Bagi peserta yang tidak mendapat tempat, sijil penyertaan akan diberikan.				

9.0 MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang dan sijil penyertaan akan diadakan pada Majlis Perasmian Karnival Sains dan Teknologi Kelantan 3.0 yang akan diadakan pada tarikh yang akan ditentukan kelak.

10.0 PAMERAN LAMAN WEB TERBAIK

Pemenang-pemenang laman web terbaik iaitu Pemenang Tempat Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat dikehendaki mempamerkan laman web masing-masing semasa berlangsungnya Karnival Sains dan Teknologi Kelantan 3.0 pada tahun 2019.

11.0 PENYERTAAN PERTANDINGAN

Penyertaan pertandingan ini terbuka kepada semua peringkat sekolah. Pihak sekolah yang berminat bolehlah mengemukakan permohonan melalui Borang Penyertaan yang dilampirkan bersama surat jemputan atau boleh juga didapati di Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan di URL <http://www.kelantan.gov.my>. Borang penyertaan pertandingan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **7 Februari 2019/ 2 Jamadilakhir 1440H** kepada Urusetia Pertandingan sebagaimana berikut:

**Urusetia Pertandingan Laman Web Peringkat Sekolah
Sempena Program Pembangunan Sains dan Teknologi
Peringkat Negeri Kelantan 2018/1439H
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
Aras 1, Blok 6, Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU**

atau

Faks : 09-7430504

atau

Emel : bptm@kelantan.gov.my

12.0 PERTANYAAN

Pertanyaan mengenai pertandingan ini boleh dikemukakan kepada pihak berikut:

Maklumat Umum Pertandingan:

- 12.1 YBrs. En. Mohd Zawawi bin Hj. Ab Rahman
Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan)
No. tel. 09-7481957 samb. 6132
- 12.2 YBrs. Puan Yasmin binti Abdullah
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan Kanan)
No. tel. 09-7481957 samb. 6140

Maklumat Domain/Server:

- 12.3 YBrs. Puan Salina binti Adnan
Pegawai Teknologi Maklumat (Operasi)
No. tel. 09-7481957 samb. 6134
- 12.4 YBrs. En. Rushdan bin Abdullah
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Operasi)
No. Tel. 09-7481957 samb. 6135

Maklumat Kriteria Laman Web:

- 12.5 YBrs. En. Noor Aidi bin Mohamad
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan I)
No. Tel. 09-7481957 samb. 6101
- 12.6 YBrs. Puan Norhaslina binti Zakaria
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan II)
No. Tel. 09-7481957 samb. 6110
- 12.7 YBrs. En. Mohd Rusdi bin Hamid
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan III)
No. tel. 09-7481957 samb. 6145
- 12.8 YBrs. En. Mohamad Hanif Hakimi bin Mazlan
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Pembangunan IV)
No. tel. 09-7481957 samb. 6141

RINGKASAN KRITERIA KANDUNGAN LAMAN WEB.

MAKLUMAT ASAS

- 1- Berita/hebahan/maklumat terkini
- 2- Falsafah pendidikan
- 3- Sejarah penubuhan
- 4- Logo sekolah / jata Malaysia
- 5- Syarat kemasukan
- 6- Hubungi kami

MENGENAI KAMI (About Us/Warga)

- 1- Pentadbiran (PK/Pengetua/ Guru Besar)
- 2- Tenaga pengajar
- 3- Kakitangan sokongan
- 4- Bilangan pelajar mengikut tingkatan (pada tahun semasa)

SEKSYEN KURIKULUM

- 1- Kurikulum sekolah
- 2- Taqvim sekolah
- 3- Analisa peperiksaan
- 4- Anugerah yang pernah diterima/kejayaan sekolah/pelajar

SEKSYEN KO-KURIKULUM

- 1- Kegiatan pelajar
- 2- Pencapaian/anugerah sekolah/pelajar

GALERI/ARKIB

- 1- Aktiviti
- 2- Galeri gambar/video
- 3- Arkib
- 4- Muat turun

KOMUNITI

- 1- PIBG
- 2- Alumni

MARKAH BONUS

- 1- Pautan aktif
- 2- Device responsiveness
- 3- Feedback form
- 4- Loading time.